

Ancaman pada keselamatan negara

Dr. M: Pelajar kita rancang 'revolusi' di luar negeri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa bimbangannya tentang wujudnya golongan tertentu di kalangan para pelajar Malaysia di luar negeri yang dikatakan sentiasa menamakan semangat revolusi di kalangan rakan-rakan mereka.

Katanya, kegiatan golongan ini harus disekat kerana apabila mereka kembali ke tanah air kelak, mereka sudah pasti merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri sedang memerhatikan kegiatan mereka.

Timbalan Perdana Menteri menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung

KUALA LUMPUR, Ahad

UMNO ke-23 di sini atas sifatnya sebagai Presiden baru parti itu.

Beliau berkata langkah-langkah tertentu juga sedang diambil untuk mengelakkan para pelajar lain dari dipengaruhi oleh kegiatan golongan berkenaan.

Penghargaan

Salah satu usaha ke arah ini ialah dengan menubuhkan Kelabkelab UMNO di luar negeri.

Setakat ini sebanyak lima buah Kelab UMNO telah ditubuhkan di United Kingdom.

Dua buah lagi dirancang ditubuhkan di Pakistan dan di Kaherah.

Beliau memuji langkah yang dijalankan oleh beberapa orang Menteri yang atas in-

siatif mereka sendiri telah bersusah payah mengembangkan pengaruh UMNO di seberang laut.

Mengenai kemajuan UMNO, beliau berkata perletakan batu asas Kompleks UMNO baru-baru ini merupakan salah satu dari kejayaan yang harus dibanggakan.

Beliau berkata perjuangan UMNO mendapat simpati dari keseluruhan masyarakat Melayu. Ini terbukti dengan banyaknya sumbangan yang didermakan untuk projek tersebut oleh Orang-orang Melayu yang tidak melibatkan diri mereka dalam UMNO secara langsung.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pungutan Derma tabung bangunan tersebut mengumumkan bahawa sebanyak \$24 juta telah dipungut setakat ini. — Bernama.